

RENCANA UTAMA

Oleh: Noor Azam Abdul Rahman



MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN NEGARA

BERTERASKAN PRINSIP MALAYSIA MADANI

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diperuntukkan sebanyak RM55.2 bilion melalui Belanjawan 2023 yang telah diluluskan di Parlimen baru-baru ini. Jumlah ini adalah yang tertinggi berbanding dengan tahun sebelumnya bagi aspek pembangunan serta usaha untuk memperkasakan bidang pendidikan di Malaysia.

Jika dibandingkan dengan peruntukan terhadap sektor lain dalam Belanjawan 2023 ini, sektor pendidikan merupakan antara yang mendapat peruntukan yang besar.

Persoalannya, mengapakah sektor pendidikan menjadi tumpuan dan keutamaan dalam setiap belanjawan negara? Mengapakah kerajaan sanggup berbelanja besar terhadap sektor pendidikan negara?

Hal ini sudah pasti kerana bidang pendidikan merupakan teras yang akan menjamin kelangsungan tamadun di sesebuah negara. Masa hadapan negara bergantung pada asas yang kita sediakan pada masa hari ni melalui pembangunan pendidikan. Tambahan pula, hasrat dan azam kerajaan pada masa ini adalah untuk membina negara berasaskan teras negara yang disebut sebagai Malaysia MADANI.

Selari dengan perkara ini, KPM menetapkan keutamaan agenda pendidikan negara yang berasaskan kepada keutamaan untuk membina ekosistem yang harmoni antara murid, guru, pentadbiran sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Ekosistem ini akan diterjemahkan dalam rangka "Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera".



Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek menggariskan tujuh agenda pendidikan negara dalam usaha membina ekosistem yang harmoni.

Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek dalam amanat pertama beliau sebaik-baik sahaja diberi tanggungjawab menerajui KPM telah menggariskan tujuh agenda pendidikan negara yang akan diberi tumpuan sepanjang pentadbirannya. Dalam usaha membina ekosistem yang harmoni antara semua pemegang taruh dalam pembangunan pendidikan negara, KPM menetapkan untuk memberikan keutamaan kepada isu keciciran pembelajaran, kebajikan guru, membina komunikasi yang baik antara KPM dengan sekolah, isu kemiskinan multidimensi, penekanan terhadap aspek *karamah insaniah*, menaiki taraf sekolah daif dan meningkatkan pendidikan digital.

Senarai keutamaan KPM ini tentunya menjadi satu cabaran besar yang harus ditangani oleh semua pihak yang terlibat. Seperti yang sering dinyatakan oleh YB Fadhlina Sidek bahawa, apa-apa sahaja usaha yang akan dijalankan untuk pembangunan pendidikan negara akan diusahakan secara bersama dengan semua pihak yang berkaitan. Selaras dengan kata kunci utama dalam konsep Malaysia MADANI yang telah dijadikan sebagai teras penting dalam proses merealisasikan segala agenda yang digariskan.

Malaysia MADANI merupakan satu idealisme yang berkonsepkan penerapan nilai yang baik terhadap masyarakat, iaitu kebaikan untuk semua pihak yang akan memberikan impak yang baik kepada seluruh warganegara Malaysia khususnya dan seluruh masyarakat dunia amnya. Berdasarkan

penerangan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa menjelaskan tentang konsep Malaysia MADANI beliau telah menekankan kata kunci "kepercayaan" antara pemerintah (kerajaan) dengan rakyat untuk secara bersama membangunkan kehebatan negara menuju ke arah sebuah negara maju yang madani.


Konsep Malaysia MADANI yang di dalamnya terdapat garis panduan jelas yang berkaitan dengan pembangunan insan dan boleh dibanggakan untuk menerajui masyarakat dan negara pada masa akan datang amat sesuai untuk dijadikan teras utama dalam merangka agenda pendidikan negara. Proses untuk memperkasakan agenda pendidikan negara yang sebelum ini sedikit terganggu dengan beberapa cabaran diharap dapat dipulihkan serta dibanggakan semula melalui usaha terbaharu ini.

Sebagai contoh, isu keciciran pembelajaran yang meningkat semasa tempoh negara menghadapi pandemik COVID-19 sebelum ini perlu ditangani dengan sebaik-baiknya oleh pihak berwajib, khususnya KPM. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan dengan pendidikan baru-baru ini, melaporkan bahawa hampir 100 ribu orang pelajar mengalami keciciran pembelajaran. Menurut kajian tersebut, antara faktor yang menyumbang kepada keciciran pembelajaran termasuklah pelajar yang hilang minat untuk belajar dan melibatkan pelajar yang belajar, namun gagal untuk menamatkan pembelajaran dengan sekurang-kurangnya mendapat kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).


Isu keciciran pembelajaran ini terus berlanjutan sehingga sekarang walaupun tempoh pandemik telah berakhir. Cabaran seperti faktor ekonomi keluarga, tiada peluang pembelajaran, kurang berminat terhadap pembelajaran serta tiada sokongan moral yang baik dari persekitaran turut menyumbang kepada peningkatan bilangan pelajar yang keciciran pembelajaran.

Apabila membincangkan hal yang berkaitan dengan isu keciciran pembelajaran ini, kita lebih terdorong untuk melihat aspek yang paling penting





Hilang minat untuk belajar menjadi faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar pelajar yang keciciran dalam pembelajaran.



Pembangunan ekosistem pendidikan seharusnya diberikan keutamaan dalam membangunkan modal insan.

yang perlu ditangani dengan segera oleh semua pihak, iaitu peluang pembelajaran kepada semua remaja di Malaysia. Setiap remaja di Malaysia perlu sekurang-kurangnya menamatkan pembelajaran secara formal di sekolah dengan memiliki SPM. Hal ini menjadi tumpuan utama dalam agenda pendidikan negara yang dikemukakan oleh KPM. Isu keciciran pembelajaran yang berlaku telah disambut dengan usaha yang teratur oleh pihak KPM dengan mencadangkan agar satu pindaan terhadap Akta Pendidikan bagi mewajibkan setiap remaja di Malaysia menamatkan pembelajaran pada peringkat tingkatan lima.

Selari dengan konsep Malaysia MADANI yang sentiasa meraikan pembangunan insan tanpa membezakan latar belakang dan etnik, budaya dan tradisi masyarakatnya, kerana hak mendapat pendidikan adalah hak semua rakyat di Malaysia. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan proses pembangunan insan yang menepati ciri yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dijadikan sebagai satu daripada agenda pendidikan negara.

Penekanan terhadap aspek *karamah insaniah* yang termasuk juga dalam agenda pendidikan negara adalah berkaitan dengan hasil pembelajaran yang berjaya disempurnakan oleh institusi pendidikan, iaitu berkaitan dengan pembentukan watak seseorang individu yang telah dan bakal dihasilkan melalui sistem pendidikan di Malaysia. Seperti yang ditekankan melalui konsep Malaysia MADANI, iaitu pada akhirnya pendidikan sepatutnya mampu membina adab pelajarannya bukan sahaja memberikan peluang untuk kerjaya, kuasa dan kedudukan semata-mata.

Dalam proses memperkasakan agenda pendidikan negara berteraskan prinsip Malaysia MADANI, KPM komited memfokuskan kepada semua watak penting

yang terdapat dalam pembangunan pendidikan negara, iaitu murid, guru, ibu bapa dan pentadbir institusi pendidikan serta masyarakat. Sesuai dengan rangkai kata yang dibina berkaitan dengan tumpuan ini yang menyebut sebagai "Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera". Daripada rangkai kata ini, dapat diterjemahkan bahawa agenda yang sedang diusahakan oleh pihak yang berkaitan dengan dunia pendidikan ini bakal memberikan impak yang baik terhadap aspek yang berkaitan dengan pendidikan negara.

Misalnya, istilah murid ceria yang dikemukakan tersebut menjadi hasrat semua pihak untuk menjadikan persekitaran sekolah khususnya sesi pembelajaran di dalam bilik darjah sebagai satu tempat yang menyeronokkan terutamanya kepada murid-murid. Bilik darjah dan pembelajaran di luar bilik darjah serta persekitaran sekolah seharusnya menjadi tempat idaman semua murid, bukannya sebagai tempat yang sering kali cuba dielak oleh murid, terutamanya bagi murid tahun satu atau yang baru menjejaki kaki ke sekolah.

Situasi murid ceria yang diuar-uarkan ini harus menjadi realiti dalam sistem pendidikan kita di Malaysia. Sering kali kita didedahkan dengan rasa tertekan murid untuk ke sekolah kerana banyak faktor yang menjadi penolak kepada mereka. Oleh itu, usaha untuk membina faktor penarik kepada murid untuk ke sekolah merupakan langkah penting yang perlu ditangani oleh pihak berwajib. Jika diteliti, terdapat pelbagai faktor yang mampu mendorong murid untuk ceria ke sekolah.

Antara faktor penting dalam proses pembelajaran, termasuklah hubungan komunikasi yang baik antara guru dengan murid. Selain itu, faktor persekitaran juga memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran. Persekitaran ini bukan sahaja

“ Pendidikan sepatutnya mampu membina adab pelajarannya bukan sahaja memberikan peluang untuk kerjaya, kuasa dan kedudukan semata-mata. ”

melibatkan elemen hiasan di sekolah dan bangunan sekolah, malah termasuklah pihak yang berada di sekolah tersebut. Hal ini bermakna, usaha untuk melahirkan murid ceria bukan sahaja melibatkan emosi antara murid dengan guru, malah keadaan sekolah yang cantik, selesa juga berperanan besar dalam mengundang keseronokan murid untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

Langkah pihak KPM baru-baru ini yang memperkenalkan konsep keseronokan kepada murid pada minggu pertama penggal persekolahan harus dipuji. Pendekatan tersebut yang menggalakkan pihak sekolah menjalankan aktiviti di luar bilik darjah merupakan satu cara yang berkesan untuk mewujudkan suasana murid ceria. Dengan tidak mengadakan pembelajaran akademik secara formal di dalam bilik darjah pada minggu pertama mampu untuk memberikan keselesaan kepada murid untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran di sekolah, terutamanya kepada pelajar baharu.

Keceriaan murid boleh berlaku apabila guru yang terlibat secara langsung bersama-sama mereka terdiri daripada guru yang bahagia. Walaupun kebahagiaan itu bersifat subjektif, namun dalam konteks seorang guru di sekolah, tiada yang lebih membahagiakan mereka apabila dapat memberikan yang terbaik dalam setiap proses pembelajaran kepada pelajar mereka tanpa diganggu gugat oleh isu pengajaran serta isu personal yang membebankan.

Di pihak guru, antara isu yang sering diketengahkan adalah berkaitan dengan penempatan guru yang telah memisahkan mereka daripada pasangan masing-masing. Isu guru yang berjauhan



dengan keluarga, terutamanya dengan pasangan masing-masing telah memberikan beban emosi yang mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Benar, guru seharusnya bersikap profesional dalam isu ini, namun guru ialah insan biasa yang juga memerlukan kehidupan yang sama seperti orang lain. Mereka perlu mengurus keluarga sama seperti orang lain dan pada masa yang sama masih mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap negara.

Oleh hal yang demikian, dalam menangani isu penempatan guru ini, pihak KPM telah memberikan tumpuan khusus yang mampu membahagiakan guru. Dalam konteks rangkaian kata yang dibincangkan di atas, ekosistem yang cuba diterapkan oleh pihak KPM melalui agenda pendidikan negara turut memberikan tumpuan terhadap pengorbanan dan usaha gigih oleh setiap guru. Seperti yang ditegaskan oleh YB Fadhlina Sidek, KPM akan sentiasa memfokuskan kepada kebajikan guru kerana golongan tersebut merupakan teras utama keberkesanan penyampaian dalam aspek pendidikan.

Selain kebahagiaan guru dan murid yang perlu diberi keutamaan dalam agenda pendidikan negara, sekolah sebagai sebuah institusi turut diperkasakan. Sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan, hal ini bermakna bahawa setiap individu yang berada dalam organisasi tersebut perlu bertanggungjawab terhadap sesuatu yang dihasilkannya. Dalam konteks ini, murid yang dilahirkan oleh sesebuah sekolah adalah hasil daripada kerja keras dan usaha institusi tersebut dalam merealisasikan setiap panduan yang telah ditetapkan oleh sistem pendidikan negara. Institusi sekolah memerlukan barisan pentadbir yang cekap dengan memiliki karisma dan sifat kepemimpinan pendidikan yang baik.

Soal kepemimpinan yang baik ini merupakan satu usaha berterusan oleh pihak KPM untuk melahirkan pentadbir pendidikan yang mampu menterjemahkan setiap agenda yang ditetapkan dengan cara yang paling profesional untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Oleh itu, komunikasi yang baik antara pihak sekolah dengan kementerian harus diperkasakan. Pentadbir pendidikan seharusnya diisi oleh mereka yang berwibawa, bertanggungjawab, telus dan berani untuk memimpin sekolah untuk melahirkan insan yang bakal menerajui negara



Konsep keseronokan yang diperkenalkan kepada murid pada minggu pertama penggal persekolahan memberikan pendekatan yang positif.



YB Fadhina Sidek semasa melawat sebuah sekolah dalam usaha menaik taraf infrastruktur sekolah.

dengan akal yang baik dari semua aspek. Murid yang dilahirkan daripada institusi sekolah yang berjaya bukan sahaja mempunyai nilai manusia yang berkualiti dari aspek adab dan tatasusila, malah cemerlang dan pakar dalam pelbagai bidang yang ditekuni oleh mereka.

Turut menjadi agenda pendidikan negara termasuklah tumpuan terhadap usaha menaik taraf sekolah daif. Pada masa yang sama, KPM akan meningkatkan pendidikan dalam bentuk digital. Hal ini bertepatan dengan perkembangan teknologi komunikasi terkini yang lebih terarah kepada penggunaan komunikasi digital. Walau bagaimanapun, dua perkara yang menjadi tumpuan ini melibatkan faktor pembangunan di sesuatu tempat, iaitu melibatkan infrastruktur di satu-satu kawasan tersebut yang mempengaruhi pembangunan pendidikan di kawasan tersebut.

Apabila berbincang tentang hal yang berkaitan dengan pembangunan teknologi digital dalam pendidikan, kita memerlukan satu rangkaian jalur lebar yang baik dan kemudahan Internet yang mampu dimiliki oleh semua pihak terlibat. Pada masa yang sama, kita juga masih lagi perlu memfokuskan keadaan sekolah yang tidak mempunyai kemudahan asas, apatah lagi kemudahan Internet untuk pembangunan pendidikan digital. Oleh itu, tumpuan kepada kedua-dua perkara ini seharusnya diberi keutamaan oleh KPM. Sekolah yang dikategorikan sebagai daif harus disifarkan jumlahnya agar setiap daripadanya mampu untuk terlibat sama dalam proses pendigitalan pendidikan seperti yang berlaku di sekolah lain.

Penekanan terhadap usaha untuk memperkasakan ekosistem antara murid, guru, sekolah, ibu bapa dan ahli masyarakat secara keseluruhannya memerlukan asas yang jelas sebagai panduan. Mengaitkan agenda pendidikan negara dengan prinsip yang terkandung dalam Malaysia MADANI adalah satu hubungan yang lengkap kerana secara asasnya prinsip Malaysia MADANI adalah berkaitan dengan pembangunan manusia yang mampu menjaga negara sebagai ahli masyarakat dan pemimpin yang sejahtera.

Suka diingatkan bahawa, konsep ini bukan hanya konsep yang indah dari segi susunan slogan dan perkataannya. Konsep ini juga bertunjangkan kajian yang jelas berkaitan dengan aspek pembangunan manusia, iaitu hubungan manusia dengan alam, manusia dengan agama dan kepercayaan (Tuhan) masing-masing dengan satu hala tuju utamanya adalah untuk melahirkan masyarakat yang kehidupannya sejahtera dan saling memerlukan antara satu sama lain dalam kehidupan yang harmoni. Oleh itu, dengan menjadikan prinsip Malaysia MADANI sebagai teras dalam memperkasakan agenda pendidikan negara merupakan satu cara yang tepat dan berkesan.

Jika proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam sistem pendidikan kita mampu melahirkan murid yang ceria hasil daripada guru yang bahagia, maka sekolah yang bitara serta negara yang sejahtera pasti menjadi kenyataan. Hal ini akan melahirkan ekosistem pendidikan yang baik, sekali gus mampu melahirkan satu bentuk rantaian yang baik pada pengakhirannya kelak.

Pada akhirnya, kita akan terpesona dengan setiap barisan ayat yang melengkapkan agenda pendidikan di negara ini. Perasaan terpesona ini seharusnya diakhiri dengan rasa syukur dan kegembiraan apabila semua yang dinyatakan itu telah berhasil dalam bentuk realiti dan kenyataan. Hasrat dan harapan semua pihak agar rangkai kata "Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera" benar-benar akan berlaku pada akhir semua proses ini. Seterusnya, usaha untuk memperkasakan agenda pendidikan negara berteraskan prinsip Malaysia MADANI ini menjadi satu kejayaan yang manis untuk dibincangkan pada suatu masa nanti. □

Penulis, Pensyarah Kanan di Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial, Universiti Tenaga Nasional, Kampus Putrajaya.